

'Tak pernah berlaku orang dibicara pilih hakim sendiri' ANGGOTA TRIBUNAL TAK DIUBAH — PM

KUALA LUMPUR 18 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, desakan supaya keanggotaan tribunal diubah menampakkan seolah-olah terdapat hakim yang layak dan tidak layak dalam badan kehakiman negara ini.

Sambil membidas pihak-pihak yang mempersoalkan komposisi anggota tribunal itu, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa tidak pernah berlaku orang yang dibi-cayakan memilih hakimnya sendiri.

Beliau menegaskan, yang penting ditentukan ialah sama ada pihak kehakiman di negara ini layak atau tidak layak.

Menjawab pertanyaan dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional tengah hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, keanggotaan tribunal itu tidak akan diubah walaupun Majlis Peguam dan pihak-pihak lain mendesak kerajaan berbuat demikian. Tun Salleh Abas sendiri tidak puashati dengan keanggotaan tribunal itu.

"Nampaknya ada sesetengah pihak yang membahagi-bahagikan hakim-hakim kita kepada orang yang mirip kepada itu dan mirip kepada ini.

Oleh Rozaid A. Rahman

"Saya amat kecewa kerana dakwaan seperti ini memburukkan imej kehakiman kita sedangkan orang-orang inilah yang melaung-laungkan nak jaga sangat imej kehakiman tetapi mereka jugalah yang akhirnya berkata bahawa hakim ini layak dan hakim itu tak layak.

"Kata-kata seperti ini menampakkan semacam hakim-hakim mempunyai kategori iaitu ada hakim yang baik dan ada hakim yang tak baik," ujarnya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, tindakan Ketua Hakim Negara yang digantung jawatan, Tun Salleh Abas tidak kena pada tempatnya.

"Tidak pernah berlaku seseorang yang dibicarakan memilih hakimnya sendiri.

"Kalau kita menerima sistem seperti ini, maka perbicaraan sesuatu kes akan bermula dengan yang dituduh itu memilih dan menunjuk siapakah yang layak menjadi hakim mereka," tegas beliau.

Jika ini berlaku, ujar Perdana Menteri, tidak gualah ada sistem perundangan di negara ini.

Beliau berkata, pihak-pihak ini marah bila ada orang mengatakan terdapat hakim-hakim yang mungkin berat sebelah, tetapi sekarang mereka pula yang mengeluarkan kenyataan yang sama.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, pemilihan anggota - anggota tribunal sudah tentu tidak akan dapat memuaskan hati semua pihak.

Mengenai satu lagi soalan, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa dalam melantik anggota - anggota tribunal, tidak harus timbul soal kepentingan peribadi.

"Bagaimanapun ingin saya bertanya, siapakah yang tidak mempunyai kepentingan peribadi, kalau ketua di atas tidak ada sudah tentulah orang yang di bawahnya akan naik juga.

"Oleh itu, semua orang mempunyai kepentingan peribadi mereka sendiri, tetapi apa yang penting di sini ialah sama ada kita fikir bidang kehakiman kita ini layak ataupun tidak layak," tegas beliau.

Tun Salleh melalui peguamnya, Haji Aziz Addruse Khamis lalu berkata bahawa pihaknya tidak puashati dengan anggota - anggota tribunal tersebut.

Raja Aziz yang juga Presiden Majlis Peguam tidak menolak bahawa mereka akan mengadap Yang di-Pertuan Agong sebagai pilihan terakhir untuk mengubah keanggotaan tribunal itu.

Raja Aziz mempertikaikan setengah - setengah hakim yang dilantik menganggotai tribunal tersebut tidak setaraf dengan kedudukan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh dan oleh itu mereka tidak layak untuk mendengar kesnya.

Beliau mempertikaikan kedudukan hakim-hakim tersebut berdasarkan senioriti mereka di dalam bidang kehakiman dan ada setengahnya pula telah menjadi ahli perniagaan.